

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

Pekeliling Mengenai Pengeluaran Sijil Tempasal Bukan Berkeutamaan (NPCO) oleh Jabatan Perikanan bagi Produk di Bawah *Chapter 3 of the Harmonized Tariff Classification System*

Mulai **1 Januari 2018**, semua pengeluaran Sijil Tempasal Bukan Berkeutamaan ("NPCO") bagi eksport ikan, krustasia, moluska dan invertebrata yang lain (produk yang tersenarai di bawah *Chapter 3 of the Harmonized Tariff Classification System*) akan diproses oleh Jabatan Perikanan Malaysia ("DOF"). Peraturan baru ini adalah selaras dengan keputusan Kabinet pada 10 Mac 2017.

Pemindahan kuasa mengeluarkan NPCO kepada DOF ini adalah bagi memastikan sistem kawalan kebolehkesanan pengeluaran udang akuakultur di ladang-ladang berdaftar seluruh Malaysia dapat diselaraskan sepenuhnya melalui penyeragaman pengeluaran dokumen NPCO dan borang DS2031. Ini adalah selaras dengan tanggungjawab DOF yang mengeluarkan borang DS2031, iaitu dokumen eksport mandatori oleh Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengesahkan tempasal produk udang.

Pelantikan DOF juga bertujuan untuk mengawal dan mengelakkan pengeksportan udang dan produk perikanan yang mungkin telah dicemari oleh bahan pengawet dan sisa yang merbahaya seperti mana yang telah ditekankan oleh Food and Drugs Administration of the United States of America (US FDA) pada tahun 2015.

Sehubungan itu, dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan dikehendaki memaklumkan kepada ahli masing-masing mengenai pelaksanaan pekeling ini. Semua syarikat dinasihatkan supaya mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh DOF.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi:

Jabatan Perikanan Malaysia
Bahagian Biosekuriti Perikanan
Aras 3, Podium 2, Blok 4G2
Wisma Tani, Presint 4
62628 Putrajaya.

Pegawai Bertanggungjawab:

Encik Mohd Firdaus bin Ahmad Pauzi

No. Telefon : 03-88704665

E-Mel : firdaus86@dof.gov.my

Encik Mohd Ghazali bin A. Manap


No. Telefon : 03-88704611

E-Mel : ghazalimanap@dof.gov.my

Disediakan oleh:

**Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

17 November 2017



**MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY
MALAYSIA**

***Circular on the Issuance of Non-Preferential Certificate of Origin
(NPCO) by Department of Fisheries, Malaysia for Products under
Chapter 3 of the Harmonized Tariff Classification System***

Effective from **1 January 2018**, all issuance of Non-Preferential Certificate of Origin (NPCO) for exportation of fish, crustaceans, molluscs and other aquatic invertebrates (products under Chapter 3 of the Harmonized Tariff Classification System) will be processed by the Department of Fisheries, Malaysia (DOF). This new ruling is in accordance with the Cabinet's decision on 10 March 2017.

The appointment of DOF as an issuing authority is to ensure that the traceability of aquaculture shrimps produced by registered farms throughout Malaysia can be effectively coordinated through document standardization of NPCO and DS2031 Form issuance. This is in parallel with the responsibility of DOF to issue DS2031 Form, which is a mandatory export document to certify the origin of shrimp products imposed by the United States of America.

In addition to this, the appointment of DOF is also to control and prevent exportation of shrimp and fisheries products that may be contaminated with dangerous preservatives or residues, as highlighted by the Food and Drugs Administration of the United States of America (US FDA) in 2015.

In this regard, the business chambers and associations are required to inform their members regarding this circular. All companies are advised to take appropriate measures to comply with the requirements set forth by DOF.

For more information on this matter, kindly reach the following contact:

Department of Fisheries Malaysia
Fisheries Biosecurity Division
Aras 3, Podium 2, Blok 4G2
Wisma Tani, Presint 4
62628 Putrajaya

Officers-in-Charge:

Mr. Mohd Firdaus bin Ahmad Pauzi

Telephone No. : 03-88704665

E-Mail : firdaus86@dof.gov.my

Mr. Mohd Ghazali bin A. Manap

Telephone No. : 03-88704611

E-Mail : ghazalimanap@dof.gov.my

Prepared by:

**Trade and Industry Support Division
Ministry of International Trade and Industry**

17 November 2017